



## ISU-ISU BERKAITAN ETIKA PEMAKAIAN PEKERJA MUSLIMAT DALAM SEKTOR PERHOTELAN DI MALAYSIA

*Siti Nurathirah Azam, Che Siti Zaizian Che Mat Zain, Aimi Syahirah Soba,  
Wan Nur Syafiqah Elisya Kamarul Azuree & Nurul Nabilah Supian*  
[mohdyusof@unisza.edu.my](mailto:mohdyusof@unisza.edu.my)

Faculty of Islamic Contemporary Studies, Universiti Sultan Zainal Abidin, Malaysia

---

### ABSTRAK

**Pengenalan:** Perkembangan industri pelancongan Islam di peringkat global dilihat telah memberi impak kepada industri perhotelan di Malaysia. Antaranya aspek yang terlibat adalah etika pemakaian yang berkonsep patuh syariah kepada pekerja perempuan Islam. Menurut Berita Bernama bertarikh 13 Januari 2018, pemeriksaan oleh Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) mendapati 13 buah hotel yang mempunyai unsur-unsur diskriminasi larangan pemakaian tudung bagi pekerja wanita Islam di bahagian perkhidmatan pelanggan (frontdesk) dan kod etika pakaian yang tidak patuh syariah ditetapkan oleh majikan. Hal ini tidak sepatutnya berlaku di sebuah negara yang mengiktiraf Islam sebagai agama persekutuan dalam perlembagaannya. **Objektif:** Kajian ini bertujuan mengenal pasti isu-isu yang berkait dengan etika pemakaian muslimat dalam sektor perhotelan di Malaysia. **Metodologi:** Kajian ini adalah kajian kualitatif dan reka bentuknya berasaskan kajian perpustakaan. Data diperolehi daripada analisis ke atas buku serta artikel dan disusun mengikut tema dan dibincangkan. **Dapatan:** Hasil kajian ialah Islam mempunyai garis panduan tersendiri yang boleh disesuaikan dengan mana-mana sektor, termasuk sektor perhotelan. Pihak majikan dan pekerja haruslah memahami dan mengakuri hal ini. Tambahan lagi, hal ini selaras dengan kedudukan Islam sebagai agama negara. Begitupun kedapatan isu-isu yang melibatkan ketidakakuran dan diskriminasi yang boleh dikaitkan dengan etika pemakaian muslimat. **Kesimpulan:** Etika pemakaian ini seharusnya dipraktikkan dan digunapakai di seluruh industri-industri perhotelan di Malaysia agar konsep hospitaliti dalam Islam dapat diperkasakan dan menjadi contoh kepada sektor perhotelan di serata dunia iaitu Islam sebagai agama negara.

**Kata kunci:** Perhotelan, Etika pemakaian, Patuh Syariah, Pelancongan Muslim, Pelancongan

---

### Pengenalan

Hospitaliti dalam Islam sangat menitikberatkan segala aspek baik dari segi pemakaian, etika dan tatacara yang selari dengan syariat Islam. Pada zaman era yang semakin memuncak ini, kita dapat lihat bahawa pekerja yang beragama Islam, khususnya bagi kaum wanita tidak diberi peluang untuk melaksanakan tanggungjawab mereka untuk menutup aurat dengan sempurna atas sebab-sebab tertentu. Antaranya kerana mereka terikat dengan polisi syarikat yang menetapkan tatacara pemakaian bagi pekerja wanita.

Syarat pemakaian bagi sesetengah syarikat yang menyuruh pekerja wanita untuk berpakaian tidak mengikut syariat Islam menyebabkan pekerja wanita Islam tidak dapat melaksanakan tugasnya dengan selesa dan bebas. Antaranya, pemakaian skirt pendek atau jilbab yang tidak melepasi dada.

Penentuan halal dan haram dalam Islam bukanlah suatu yang direka oleh akal manusia atau daripada Rasulullah SAW, malah ia merupakan ketetapan mutlak daripada Allah SWT yang tidak boleh dipinda. Perkara yang haram tetap dikategorikan sebagai perkara yang melanggar peraturan yang telah ditetapkan oleh Allah. Pekerja wanita yang terpaksa memakai pakaian seragam yang tidak mengikut garis panduan syariah adalah sama seperti dosa bagi wanita yang tidak menutup aurat dengan sempurna. Peraturan bagi kakitangan wanita muslim dalam sektor perhotelan adalah tinggi berbanding dengan kakitangan beragama selainnya. Hal ini perlu dititikberatkan agar pekerja yang beragama Islam diberi peluang untuk melibatkan diri dalam industri perhotelan yang berkembang pesat kerana ia begitu berkait rapat dengan sektor pelancongan dan perdagangan seterusnya memberi peluang pekerjaan kepada wanita beragama Islam. Oleh itu, umat Islam dapat mencari rezeki yang halal selari dengan perintah Allah yang menyuruh umat manusia mencari rezeki untuk menanggung kehidupan seharian.

### **Objektif Kajian**

Kajian ini bertujuan mengenal pasti isu-isu yang berkait dengan etika pemakaian muslimat dalam sektor perhotelan di Malaysia.

### **Metodologi Kajian**

Kajian ini menggunakan kajian kualitatif. Pendekatan ini dipilih kerana lebih sesuai bagi mengkaji persoalan kajian yang timbul terhadap etika berpakaian pekerja muslimat dalam sektor perhotelan di Malaysia. Reka bentuk yang digunakan dalam kajian ini adalah berdasarkan kajian perpustakaan. Data ini diperoleh daripada analisis ke atas buku serta artikel dan disusun mengikut tema yang dibincangkan. Selain itu, data ini juga dikumpulkan melalui maklumat yang tersedia daripada akhbar seperti sinar harian, kertas kerja, laporan, risalah, laman web dan lain-lain. Kesemua data ini kemudiannya akan didokumentasi dengan lebih terperinci.

## Dapatan Kajian

Menerusi kajian yang dilakukan didapati **agama Islam mempunyai garis panduan tersendiri yang boleh disesuaikan dengan mana-mana industri termasuk industri perhotelan** terutamanya bagi yang beragama Islam. Hal ini kerana garis panduan ini adalah sebagai amanah kepada manusia supaya memelihara aurat mengikut syariat Allah sepertimana yang telah dinyatakan dalam Al-Quran dan Hadis. Islam mengharuskan perhiasan dalam Islam. Pakaian juga telah ditetapkan kepada umat manusia demi menjaga kemaslahatan, kesejahteraan dan kemakmuran kita sebagai manusia. Dalam al-Qur'an, Allah SWT menjelaskan kepada manusia tentang tujuan dan fungsi pakaian yang Allah khususkan supaya diberikan perhatian dan perlakuan khas kepada wanita. Indahny Islam menetapkan wanita sebagai kehormatan yang harus dijaga.

Ayat Al-Quran yang menjelaskan tentang aurat wanita:

Allah S.W.T berfirman:

وَقُلْ لِلْمُؤْمِنَاتِ يَغْضُضْنَ مِنْ أَبْصَارِهِنَّ وَيَحْفَظْنَ فُرُوجَهُنَّ وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا ۗ وَلَا يَضْرِبْنَ بِجُمُرِهِنَّ عَلَىٰ جُيُوبِهِنَّ ۗ وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا لِبُعُولَتِهِنَّ أَوْ آبَائِهِنَّ أَوْ آبَائِهِنَّ أَوْ أَبْنَائِهِنَّ أَوْ بُعُولَتِهِنَّ أَوْ إِخْوَانِهِنَّ أَوْ بَنِي إِخْوَانِهِنَّ أَوْ نِسَائِهِنَّ أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُهُنَّ أَوِ التَّابِعِينَ غَيْرِ أُولِي الْإِرْبَةِ مِنَ الرِّجَالِ أَوِ الطِّفْلِ الَّذِينَ لَمْ يَظْهَرُوا عَلَىٰ عَوْرَاتِ النِّسَاءِ ۗ وَلَا يَضْرِبْنَ بِأَرْجُلِهِنَّ لِيُعْلَمَ مَا يُخْفِينَ ۗ زِينَتُهُنَّ ۗ وَتُوبُوا إِلَى اللَّهِ جَمِيعًا أَيُّهُ الْمُؤْمِنُونَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ {سورة النور: ٣١}

Yang bermaksud: Katakanlah kepada wanita yang beriman: "Hendaklah mereka menahan pandangannya, dan kemaluannya, dan janganlah mereka menampakkan perhiasannya, kecuali yang (biasa) nampak daripadanya. Dan hendaklah mereka menutupkan kain tudung kedadanya, dan janganlah menampakkan perhiasannya kecuali kepada suami mereka, atau ayah mereka, atau ayah suami mereka, atau putera-putera mereka, atau putera-putera suami mereka, atau saudara-saudara laki-laki mereka, atau putera-putera saudara lelaki mereka,

atau putera-putera saudara perempuan mereka, atau wanita-wanita islam, atau budak-budak yang mereka miliki, atau pelayan-pelayan laki-laki yang tidak mempunyai keinginan (terhadap wanita) atau anak-anak yang belum mengerti tentang aurat wanita. Dan janganlah mereka memukulkan kakinya agar diketahui perhiasan yang mereka sembunyikan. Dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah, hai orang-orang yang beriman supaya kamu beruntung.

Dalam Hadis, Rasulullah SAW bersabda:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ الْمَرْأَةُ عَوْرَةٌ فَإِذَا خَرَجَتْ اسْتَشْرَفَهَا الشَّيْطَانُ  
(الترمذي)

*Dari Abdullah Ibnu Mas'ud, beliau berkata dari Nabi SAW, "Wanita itu adalah aurat, hingga dia keluar maka syaitan mengawasinya" (H.R. At Tirmidzi)*

Dalil di atas menunjukkan bahawa wanita adalah aurat. Apabila wanita keluar rumah, mereka boleh dijadikan alat oleh syaitan untuk menimbulkan fitnah kerana wanita memiliki kecenderungan untuk berdandan yang boleh menarik mata lelaki. Ini menunjukkan wanita dipandang sebagai kehormatan yang harus dijaga dan digalakkan untuk tidak aktif berada di luar rumah kecuali dalam keadaan yang diperlukan.

Dapatan kedua, **pihak majikan dan pekerja seharusnya memahami dan akur dengan garis panduan yang telah ditetapkan.** Hal ini kerana garis panduan ini tidak melanggar hukum syarak malah mendatangkan kebaikan kepada semua pihak. Seperti yang sedia maklum apabila kita menyertai mana-mana program yang dianjurkan di hotel, terdapat beberapa bahagian dalam industri perhotelan yang menjadi tumpuan utama peserta/pelanggan. Antaranya, kekemasan ruang hotel, penampilan dan tatacara pemakaian pekerja serta gaya tuturcara yang perlu mengikut garis panduan serta etika khas yang ditetapkan. Hal ini akan menjadi contoh dan ikutan yang baik kepada peserta/pelanggan jika dipraktikkan dengan betul. Namun, pihak majikan dan pekerja tidak seharusnya melanggar etika pemakaian pekerja Muslimat yang telah disyariatkan oleh agama. Hal ini kerana **selaras dengan kedudukan Islam sebagai agama rasmi**

**negara.** Penampilan seseorang pekerja itu akan mencerminkan kredibiliti dan keupayaannya dalam melaksanakan tugas. Justeru, pentingnya sesebuah organisasi menetapkan garis panduan pemakaian yang mengikut syarak dan syariat agama terutamanya bagi pekerja Islam dengan cara mewajibkan pekerja wanita bertudung dan melabuhkan tudung dibahagian dada serta memastikan pakaian yang dipakai itu tidak ketat dan menjolok mata.

Malah penetapan pemakaian skirt pendek kepada wanita adalah suatu garis panduan yang menyalahi syariat Islam dan jelas sekali perkara ini mendedahkan aurat si pemakai. Mereka juga diberi amaran akan dibuang kerja sekiranya tidak mematuhi syarat pemakaian yang telah ditetapkan. Sebagai contoh, bagi pekerja di bahagian kaunter khidmat pelanggan akan memakai pakaian yang dinamakan "*lounge Suit*". Pakaian ini kebiasaannya dipakai oleh pekerja lelaki dan menjadi permasalahan kepada pekerja wanita jika tidak dibenarkan memakai tudung dan kot yang dipakai itu ketat serta mengikut ukuran badan yang menyebabkan penampakan susuk badan wanita. Maka, pentingnya garis panduan pemakaian bagi pekerja wanita yang mengikut syariat Islam.

Selain itu, kajian mendapati bahawa terdapat **isu-isu yang melibatkan ketidakakuran dan diskriminasi yang boleh dikaitkan dengan etika pemakaian Muslimat.** Sebagai contoh, isu larangan wanita bertudung dalam industri perhotelan menimbulkan persoalan kepada setengah pihak. Mereka berpendapat adakah larangan ini merupakan salah satu polisi antarabangsa yang sedia ada mahupun suatu diskriminasi semata-mata. Presiden Persatuan Hotel Malaysia (MAH), Cheah Swee Hee menegaskan larangan itu adalah sebahagian daripada polisi antarabangsa dan tidak melibatkan sesuatu yang mendiskriminasikan wanita bertudung. Beliau menjelaskan bahawa setiap hotel antarabangsa di Malaysia mempunyai *standard operating procedures* (SOP) dan polisi syarikat yang tersendiri dan hanya mengikut seperti yang ditetapkan.

*"Kita tidak boleh gunakan ayat diskriminasi (isu larangan tudung). Ia kerana syarikat ada polisi masing-masing. Jadi, ada banyak hotel juga menerima mereka yang berhijab".*

*“Ia lebih kepada polisi dan SOP yang digunakan hotel di seluruh dunia. Ia bukan (Islamicphobia) kerana sudah dibuat sejak awal lagi. Jadi, mereka ada SOP” - Cheah Swee Hee, 2017.*

Namun pernyataan itu mendapat maklum balas daripada Naib Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR), Nurul Izzah Anwar yang mendesak kerajaan khususnya Kementerian Pelancongan bagi menarik semula lesen hotel antarabangsa di Malaysia yang mengamalkan polisi sedemikian. Memetik laporan Astro Awani pada 11 November 2017, beliau menegaskan agar pihak kerajaan bertindak tegas dalam menangani perkara ini bagi memastikan tiada syarikat yang melaksanakan polisi bersifat ‘diskriminasi’ yang boleh memecah belahkan rakyat beragama.

*“Jika sememangnya larangan pekerja bertudung merupakan polisi syarikat terutamanya hotel antarabangsa, kementerian pelancongan harus mempertimbangkan untuk menarik kembali lesen mereka untuk beroperasi. Kerajaan harus jawab bagaimana mereka membenarkan hotel antarabangsa untuk melakukan diskriminasi terhadap amalan agama” - Nurul Izzah Anwar, 2017.*

Bukan itu sahaja, pengerusi *Malaysian Alliance of Civil Society Organisations in the UPR Process* (MACSA) Azril Mohd Amin turut membidas kenyataan yang dikeluarkan oleh Presiden Cheah Swee Hee. Beliau berkata dalam satu kenyataan rasmi MACSA bahawa tiada SOP antarabangsa yang melarang wanita Islam bertudung sambil mengkategorikan larangan ini sebagai suatu bentuk diskriminasi.

*“Semua pelancong antarabangsa tahu bahawa dakwaan Cheah Swee Hee tidak benar. Ini kerana pekerja hotel di seluruh dunia dibenarkan memakai tudung; (hotel-hotel di) Negara Teluk, Turki, Indonesia, UK, US tidak mengenakan sebarang sekatan kepada pekerja hotel mereka untuk memakai pakaian yang diwajibkan dalam agama mereka, begitu juga halnya di kebanyakan hotel di Malaysia” - Azril Mohd Amin, 2017.*

Tambahnya lagi, polisi ini hanya mencerminkan sikap prejudis dan tidak bertoleransi dengan budaya yang boleh menggoyahkan kedudukan Malaysia sebagai negara berbilang bangsa dan agama. Presiden Perikatan Wanita Antarabangsa untuk Institusi Keluarga dan Pendidikan Berkualiti (Wafiq), Dr Rafidah Hanim Mokhtar turut menyatakan bahawa tiada penjelasan yang munasabah mengapa berhijab menjadi penghalang untuk seseorang itu bekerja.

### **Perbincangan**

Meneliti tentang tujuan dan fungsi pakaian dalam Islam, pakaian merupakan ciri khas bagi orang yang beradab. Pakaian menunjukkan identiti, status, bahkan titik nilai kemanusiaan seseorang. Pakaian muncul dari peradaban yang menjadi suatu budaya sekalipun pada makna yang sesungguhnya pakaian bukan sesuatu budaya, akan tetapi pakaian lebih dekat dengan seruan ajaran agama untuk menutup aurat, bagi menunjukkan perbezaan antara manusia dan haiwan. Adapun nilai budaya yang menyentuh pada aspek pakaian terletak pada model dan gaya, atau potongan yang menambahkan kesan indah dalam berpakaian. Istilah berpakaian lebih pada nilai-nilai kemanusiaan yang dekat dengan nilai peradaban manusia, karena mengandungi makna fitrah manusia yang utuh zahir dan batin.

Oleh sebab itu, pentingnya garis panduan pemakaian mengikut syariat Islam kepada manusia. Dalam hal ini, skop perbincangan lebih khusus iaitu kepada pekerja hotel berkaitan dengan garis panduan pemakaian bagi pekerja Muslimat mengikut syariat Islam. Penampilan seseorang warga kerja itu akan mencerminkan kredibiliti dan keupayaannya dalam melaksanakan tugas. Sekiranya seseorang itu tidak berupaya menguruskan keterampilan diri, ini memberikan impresi awal iaitu tanggapan awal bahawa seseorang itu tidak berupaya menguruskan tugas dengan teliti dan teratur.

Garis panduan pakaian mengikut syariat sangat relevan kepada pekerja demi menjaga kemaslahatan serta maruah bagi wanita. Jadi, pihak majikan dan pekerja seharusnya memahami dan akur hal ini kerana dapat memberi banyak kebaikan kepada majikan dan pekerja. Tambahan lagi, hal ini dapat mengurangkan kes-kes yang tidak diingini seperti pencabulan akibat pakaian yang dipakai boleh mendatangkan rasa syahwat bagi lelaki akibat tidak menutup aurat dengan sempurna. Garis panduan pemakaian ini juga

tidak membebankan pihak organisasi hotel untuk mematuhi kerana situasi disini boleh dinamakan sebagai “*win-win situation*” iaitu sama-sama adil dan untung bagi kedua pihak iaitu kepada majikan dan Pekerja .Bagi pihak hotel, pihak pengurusan hotel akan dipandang oleh masyarakat kerana menjaga serta mentikberatkan hak pekerja dan dalam masa yang sama, hotel mereka akan dipandang tinggi serta diberikan kepercayaan oleh masyarakat menyebabkan ramai yang berminat untuk menginap atau menempah hotel disana. Bagi pekerja Hotel pula,mereka dapat menjaga aurat serta maruah diri serta agama Islam yang dipandang tinggi oleh orang yang bukan Islam serta dapat membuktikan bahawasanya dengan menutup aurat juga, akan menampakkan kita lagi kemas dengan mengikut syariat pemakaian Islam dan dapat menjauhi perkara-perkara yang tidak elok dan tidak diingini.

Oleh itu, garis panduan pakaian mengikut syariat Islam sangat relevan dan diterima pakai oleh masyarakat serta selaras dengan kedudukan Islam sebagai agama rasmi Negara. Semua rakyat Malaysia, khususnya orang-orang Islam mengetahui bahawa perlembagaan kita telah menetapkan yang bahawa agama islam sebagai agama rasmi bagi persekutuan. Oleh itu, Islam dilindungi oleh perlembagaan negara kita dan segala kemudahan serta perbelanjaan negara boleh dipergunakan untuk pembangunan Islam tanpa dapat dicabar atau dipertikaikan. Bagaimanapun sesuai dengan ajaran Islam itu sendiri maka agama-agama lain tetap terjamin dan penganut agama bukan Islam diberikan kebebasan untuk mengamalkan agama mereka masing-masing di dalam suasana aman dan harmoni.. Hal ini dapat kita saksikan di dalam negara kita sejak dari zaman kemerdekaan lebih empat puluh tahun yang lalu, telah berlaku pengisian Islam dan nilai-nilainya di dalam pembangunan negara Malaysia yang mulai terserlah dan menampakkan kenyataannya di dalam arus perdana pembangunan negara.

Isu yang dikatakan berlaku diskriminasi terhadap wanita bertudung di sektor perhotelan semakin mendapat perhatian dan menelitan oleh pihak kerajaan. Perlakuan diskriminasi dapat kita fahami bahawa suatu pandangan, pemikiran dan kepercayaan negatif oleh seseorang atau sekelompok etnik terhadap anggota mahupun suatu kelompok etnik lain yang mempengaruhi perilaku pihak yang berpandangan negatif (Sabree Hussin, 2009). Diskriminasi sering terjadi berdasarkan umur, jantina, tahap



kesihatan, ras, agama dan bangsa seseorang tanpa memikirkan kesan dan akibat perlakuan tersebut.

Menurut Menteri Hal Ehwal Agama, Mujahid Yusof Rawa semasa persidangan parlimen tahun 2018, kerajaan akan menyediakan satu garis panduan kod pemakaian patuh syariah kepada syarikat swasta terutamanya kepada sektor perhotelan dan penerbangan. Garis panduan ini dilakukan dengan kerjasama Jabatan Tenaga Kerja di bawah Kementerian Sumber Manusia bagi mengelakkan diskriminasi yang berlaku di tempat kerja khususnya. Bukan itu sahaja, beliau yang juga merupakan ahli parlimen Parit Buntar mencadangkan agar kerajaan mewujudkan satu jawatankuasa khas yang akan mengambil berat kepada mereka yang didiskriminasikan dalam tempat kerja hanya disebabkan pakaian mereka.

Hal ini kerana melihat kepada aduan yang telah dikeluarkan oleh seorang wanita Islam yang tular di laman Facebook sekitar tahun 2018 dengan mendakwa beliau telah ditawarkan jawatan Pembantu Pengurus di salah sebuah hotel bertaraf lima bintang namun diminta untuk menanggalkan tudung dan mengenakan pakaian yang tidak menutup aurat. Presiden Wafiq, Dr Rafidah Hanim Mokhtar meluahkan rasa kesal terhadap laporan yang jelas menunjukkan berlakunya diskriminasi terhadap wanita bertudung dalam industri perhotelan. Beliau turut mengesa Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail dan Menteri Sumber Manusia, M. Kulasegaran agar dapat mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana hotel yang mengamalkan diskriminasi tersebut.

Rentetan daripada isu tersebut, Menteri Sumber Manusia Datuk Seri Richard Riot mencadangkan agar pindaan dilakukan ke atas Rang Undang-undang Malaysia Akta Kerja 1955 (Akta 265) bagi menangani isu diskriminasi ini. Kerajaan sedang membuat semakan terhadap beberapa perkara bawah Akta Kerja 1955 untuk dipinda dan dibawa ke Kabinet, termasuk isu diskriminasi di tempat kerja (M Kulasegaran, 2019).

## **Penutup**

Ringkasnya, penetapan garis panduan etika pemakaian bagi pekerja hotel terutamanya wanita harus dititikberatkan agar maruah serta aurat wanita muslim terjaga. Selain itu,

etika pemakaian yang patuh syariat ini juga dapat memastikan pekerja wanita bekerja dengan dalam keadaan selesa serta terjamin keselamatannya. Hal ini secara tidak langsung dapat mengurangkan kadar jenayah seperti pencabulan terhadap wanita kerana dengan berpakaian mamatuhi syariat dapat menundukkan pandangan lelaki daripada melakukan perkara-perkara yang tidak baik. Justeru, pentingnya kita sebagai pekerja wanita Islam menutup aurat dengan sempurna serta berpakaian elok dan tidak menjololok mata agar tidak menjadi tarikan serta perhatian lelaki. Garis panduan pemakaian ini harus dititikberatkan oleh semua pihak pengurusan hotel supaya hak-hak pekerja wanita di sektor penghotelan terjamin dan tidak diskriminasi.

## Rujukan

1. Lembaga penyelidikan undang-undang(2008), *Akta Kerja 1955( Akta 265), peraturan-peraturan dan perintah*.International Law Book Service
2. Thomsom Reuters (2009), *Tourism, Travel and Hopitality Law*. Robert Wilson
3. Michael D.Olsen, Eliza Ching-Yick Tse, Joseph J.West (2000) , *Strategic Management in The Hospitality Industry*,Library of Congress Cataloging-In-Publication Data
4. Tom Powers, Clayton W. Barrows (2000) ,*Introduction to Management in the Hospitality Industry*, John Wiley and Sons Inc
5. Noor Aziah Mohd Awal, (2008), *Wanita dan Undang-undang*, International Law Book Service
6. Anis Ahmad (1991), *Women and social Justice* , Institute of Policy Studies
7. Profesional Management Development Programme ( 2006) , *Hospitality Marketing Managemen.* , John Wiley and Sons Inc
8. Philip Kotler, John Bowen, James Makens (1999), *Marketing For Hospitality and Tourism*, Prentice-Hall, Inc
9. Baharudin, M. H. (2015). *Pengurusan Hotel Halal Mengikut Perspektif Islam dan Masyarakat*. *Sains Humanika* , 57-64.
10. Che Omar, A. (2003). *Pengurusan di Malaysia Dari Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
11. <https://www.bharian.com.my/wanita/lain-lain/2017/12/357467/4-hotel-di-johor-larang-bertudung>
12. [http://www.kpkt.gov.my/resources/index/user\\_1/MENGENAI%20KPKT/GARIS%20PANDUAN/GP\\_Etika\\_Pakaian\\_KPKT.pdf](http://www.kpkt.gov.my/resources/index/user_1/MENGENAI%20KPKT/GARIS%20PANDUAN/GP_Etika_Pakaian_KPKT.pdf)
13. [http://studentsrepo.um.edu.my/5079/1/bab\\_1\\_hingga\\_5\\_final.pdf](http://studentsrepo.um.edu.my/5079/1/bab_1_hingga_5_final.pdf)
14. <http://umkeprints.umk.edu.my/396/1/Paper%202.pdf>
15. <http://johariyap.com/salahkah-pekerja-hotel-bertudung/>